

# STI tawar 7 ijazah sains, kejuruteraan

Oleh **ADLI YASHIR KUCHIT**  
*adli@sph.com.sg*

INSTITUT Teknologi Singapura (SIT) akan mengendalikan tujuh program di peringkat ijazah sarjana muda dalam jurusan kejuruteraan dan sains di bangunan baru yang bakal dibina di pekarangan kampus Politeknik Ngee Ann (NP).

Program-program tersebut dikendalikan bersama tiga universiti luar negara iaitu Universiti Newcastle, Universiti Glasgow dan

Kolej Wheelock.

Perkembangan ini diumumkan dalam satu kenyataan SIT yang dikeluarkan sempena majlis pecah tanah bagi pembinaan bangunan baru SIT di NP atau SIT@NP.

Menurut Presiden SIT, Profesor Tan Chin Tiong, pihaknya menghargai langkah NP menyewakan kawasan untuk pembinaan bangunan institut pengajian tinggi yang baru itu.

“Para pelajar kelak bakal memanfaatkan pel-

bagai kemudahan pembelajaran seperti bilik darjah, dewan kuliah dan sebuah simulasi sekitaran kelas prasekolah.

“Kemudahan ini memastikan para pelajar kami dapat menjalani proses pembelajaran praktikal,” kata Profesor Tan.

Diasaskan pada 2009, SIT merupakan institut pengajian tinggi yang menawarkan peluang bagi pelajar politeknik melanjutkan pengajian di peringkat ijazah.

Kursus-kursus yang ditawarkan dikendalikan bersama universiti terkemuka luar negara.

Antara program kejuruteraan yang bakal ditawarkan di SIT@NP kelak ialah kursus kejuruteraan kimia, reka bentuk mekanikal dan kelautan.

Turut dikendalikan ialah program ijazah sarjana muda sains dalam jurusan pendidikan awal kanak-kanak.

Pembinaan SIT@NP dijangka siap menjelang 2014. Ia terletak dalam kawasan sebesar 1,800 meter persegi.

Reka bentuk bangunan itu dihasilkan oleh firma DP Architects.

Apabila siap, bangunan lapan tingkat itu akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan pembelajaran termasuk dua tingkat besmen yang mempunyai tiga dewan kuliah.

Satu ciri utama bangunan baru SIT ialah ruang terbuka di bahagian tengah untuk menggalak interaksi di kalangan mahasiswa.

Mahasiswa juga boleh memanfaatkan ruang sosial seperti kelab pelajar, bilik persatuan dan ruang ulang kaji yang terbuka.